

SINAR HARIAN 30/06/2014

Danial sisih rasa rendah diri

Pelajar autisme terima Hadiah Khas Prihatin Menteri Besar

■ NURUL HUDA HUSAIN

KUALA NERUS - Terkejut dan dalam masa sama gembara tidak terkata.

Begitulah perasaan bercampur baur yang dirasai ibu kepada pelajar autisme cemerlang, Rozina Mohd Ikram, 40, apabila anaknya, Muhammad Danial Zaimuddin, 19, dipilih sebagai penerima Hadiah Khas Prihatin Menteri Besar.

Lebih manis lagi, penghargaan disampaikan sendiri Menteri Besar, Datuk Ahmad Razif Abd Rahman dalam Majlis Penganugerahan Hadiah Kecemerlangan Pelajar Yayasan Terengganu kali ke-35 di Stadium Tertutup Kompleks

Sukan Negeri Terengganu, Gong Badak, di sini.

Menurut Rozina, dia bersyukur apabila Muhammad Danial sentiasa mendapat perhatian ramai, sekali gus dapat menyihkan perasaan rendah diri dengan kekurangan yang ada pada anak sulungnya itu.

"Alhamdulillah, syukur dan terima kasih dengan bantuan dan penghargaan secara berterusan yang diberikan kepada Muhammad Danial dan diharapkan dengan pelbagai sokongan yang diberikan ini mampu meningkatkan lagi usahanya untuk berjaya, sekali gus bergelar pesyarah nanti.

"Malah, Muhammad Danial juga semakin me-



Muhammad Danial (kanan) menerima penghargaan khas daripada Ahmad Razif.

nujuikkan peningkatan positif serta mampu menguruskan diri sejak melanjutkan pengaji-

an di Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) dengan mengikut Pengajian Islam (Bahasa

Arab)," katanya. Katanya, meskipun belum mampu mengurus diri se-

penuhnya, namun peningkatan positif yang ditunjukkan anaknya itu sangat bererti dan memberi kelegaan buahnya.

"Saya juga mendoakan agar cita-citanya untuk bergelar pesyarah pada masa akan datang akan terlaksana dan berharap semua pihak menyokongnya bagi merealisasikan impian tersebut," katanya.

Bekas pelajar Sekolah Menengah Agama Sheikh Abdul Malek (SHAMS) itu memperoleh keputusan cemerlang iaitu 10A dan 1B dalam peperiksaan SPM tahun lalu, sekali gus dinobatkan pelajar cemerlang bagi kategori Calon Berkeperluan Khas (CBK).